



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



**FAKTOR-FAKTOR PENOLAKAN KHIDMAT KAUNSELING
BERTERASKAN ISLAM DALAM KALANGAN REMAJA DI
SELANGOR: SATU KAJIAN KONSEPTUAL**

*FACTORS OF REJECTION OF ISLAMIC-BASED COUNSELING SERVICES
AMONG ADOLESCENTS IN SELANGOR: A CONCEPTUAL STUDY*

Hazrul Hizam Karim^{1*}, Nur Bakri Abd Hamid², Mohd Azli Md Jailani³, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli⁴

¹ Faculty of Social Sciences & Humanities, Open Univeristy Malaysia

Email: hazrulhizam@oum.edu.my

² Faculty of Social Sciences & Humanities, Open Univeristy Malaysia

Email: nurbakri@oum.edu.my

³ Faculty of Social Sciences & Humanities, Open Univeristy Malaysia

Email: mohdazli_jailani@oum.edu.my

⁴ Department of Syariah & Economics, Academic of Islamic Studies, University Malaya

Email: izzulsyahmi95@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Karim, H. H., Abd Hamid, N. B., Md Jailani, M. A., & Zulkepli, M. I. S. (2025). Faktor-Faktor Penolakan Khidmat Kaunseling Berteraskan Islam dalam Kalangan Remaja di Selangor: Satu Kajian Konseptual. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 255-274.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058018

Abstrak:

Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja di Selangor. Walaupun perkhidmatan kaunseling Islam semakin berkembang sebagai alternatif bimbingan psikologi berlandaskan nilai syariah, penerimaan remaja terhadap perkhidmatan ini masih dilihat rendah. Kajian ini dijalankan secara konseptual dengan meneliti literatur terdahulu dan teori berkaitan, bagi memahami sebab-sebab penolakan yang wujud. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada penolakan perkhidmatan ini. Pertama, faktor individu seperti kurangnya kesedaran mengenai manfaat kaunseling Islam, rasa malu, takut dihakimi, dan persepsi negatif terhadap kaunseling. Kedua, faktor keluarga yang melibatkan pengaruh ibu bapa, latar belakang keagamaan yang lemah, serta kurangnya sokongan keluarga terhadap khidmat kaunseling. Ketiga, faktor sosial yang melibatkan stigma masyarakat terhadap individu yang mendapatkan kaunseling, serta pengaruh rakan sebaya yang kurang menerima konsep bantuan psikologi secara Islamik. Keempat, faktor institusi yang merangkumi kekangan akses kepada kaunselor Islam yang bertaualiah, kekurangan promosi mengenai perkhidmatan kaunseling Islam, dan persepsi bahawa kaunseling Islam kurang

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



efektif berbanding pendekatan konvensional. Keberhasilan kajian ini membekalkan pemahaman yang lebih mendalam tentang penolakan khidmat kaunseling Islam, sekali gus mencadangkan usaha memperkasa promosi, memperluas latihan kaunselor Islam, dan membentuk kerjasama erat antara sekolah, keluarga, serta institusi agama. Kajian ini memberi implikasi penting kepada pihak yang berkepentingan untuk merangka strategi untuk meningkatkan penerimaan remaja terhadap perkhidmatan kaunseling Islam di Malaysia, khususnya di Selangor.

Kata Kunci:

Kaunseling, Islam, Penolakan, Remaja, Selangor

Abstract:

This study aims to identify factors that influence the rejection of Islamic-based counseling services among adolescents in Selangor. Although Islamic counseling services are increasingly growing as an alternative to psychological guidance based on sharia values, adolescents' acceptance of this service is still seen as low. This study was conducted conceptually by examining previous literature and related theories, to understand the reasons for the rejection. The study findings show that there are four main factors that contribute to the rejection of this service. First, individual factors such as lack of awareness of the benefits of Islamic counseling, shame, fear of being judged, and negative perceptions of counseling. Second, family factors involving parental influence, weak religious background, and lack of family support for counseling services. Third, social factors involving societal stigma against individuals seeking counseling, as well as the influence of peers who are less accepting of the concept of Islamic psychological help. Fourth, institutional factors that include constraints on access to certified Islamic counselors, lack of promotion of Islamic counseling services, and the perception that Islamic counseling is less effective than conventional approaches. The results of this study provide a deeper understanding of the rejection of Islamic counseling services, thus suggesting efforts to strengthen promotion, expand the training of Islamic counselors, and form close collaboration between schools, families, and religious institutions. This study provides important implications for stakeholders to devise strategies to increase adolescent acceptance of Islamic counseling services in Malaysia, particularly in Selangor.

Keywords:

Counseling, Islam, Rejection, Adolescents, Selangor

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Khidmat kaunseling berteraskan Islam telah diperkenalkan sebagai alternatif kepada pendekatan kaunseling konvensional, dengan tujuan menyediakan bimbingan yang selari dengan nilai dan prinsip syariah. Namun, penerimaan terhadap perkhidmatan ini dalam kalangan remaja di Malaysia, khususnya di Selangor, masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penolakan khidmat kaunseling Islam dalam kalangan remaja di Selangor.

Beberapa kajian terdahulu telah meneliti cabaran dalam pelaksanaan kaunseling Islam di Malaysia. Abas et al. (2024) mendapati bahawa antara cabaran utama adalah kekurangan pengetahuan mendalam tentang kaunseling Islam dalam kalangan kaunselor, serta kurangnya penghayatan agama yang mendalam. Selain itu, stigma masyarakat dan penerimaan pelajar turut menjadi halangan signifikan dalam keberkesanan pelaksanaan kaunseling Islam di sekolah.

Zakaria dan Awang (2022) pula menekankan bahawa terdapat cabaran luaran seperti kekurangan pengiktirafan rasmi terhadap kaunseling Islam oleh pihak berkuasa, serta polemik dalam penggunaan istilah "Kaunseling Islam". Cabaran dalaman termasuk kekurangan ilmu pengetahuan dan pengurusan yang tidak sistematik dalam kalangan pengamal kaunseling Islam. Selain itu, stigma dalam masyarakat Islam terhadap isu kesihatan mental turut mempengaruhi penerimaan remaja terhadap khidmat kaunseling. Ramli et al. (2023) menyatakan bahawa kurangnya kesedaran dan pemahaman mengenai gangguan mental dalam kalangan masyarakat menyebabkan pesakit enggan mendapatkan rawatan yang sepatutnya, yang akhirnya memburukkan lagi keadaan mereka.

Dalam konteks remaja, kajian oleh Mansor dan Mohamad Jodi (2020) menunjukkan bahawa remaja yang ditempatkan di pusat perlindungan sering kali mempunyai pengalaman negatif terhadap perkhidmatan kaunseling, yang mungkin disebabkan oleh pendekatan yang tidak sesuai atau kurangnya kepercayaan terhadap kaunselor. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti secara mendalam faktor-faktor yang menyumbang kepada penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja di Selangor, dengan harapan dapat menyediakan cadangan untuk meningkatkan penerimaan dan keberkesanan perkhidmatan ini.

Pernyataan Masalah

Perkembangan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (UBK) di Malaysia menunjukkan peningkatan yang positif. Namun, tahap keberkesanan dan penerimaan masyarakat, khususnya dalam kalangan remaja terhadap perkhidmatan kaunseling berteraskan Islam, masih rendah. Statistik Tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS, 2019) melaporkan peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, daripada 7.9% pada tahun 2019 kepada 16.5% pada tahun 2020. Ini membangkitkan keperluan terhadap pendekatan kaunseling yang lebih selari dengan keperluan spiritual dan budaya masyarakat Muslim di Malaysia.

Walaupun khidmat kaunseling Islam diperkenalkan untuk memenuhi keperluan tersebut, penerimaan dalam kalangan remaja di negeri seperti Selangor masih membimbangkan. Kajian lepas menunjukkan bahawa stigma sosial menjadi antara penghalang utama. Salina Nen dan Khairul Azmi Ibrahim (2018) mendapati stigma dan masalah akses menyebabkan pelajar kurang menggunakan perkhidmatan kaunseling. Ahn, Kivlighan dan Hill (2022) turut menekankan bahawa stigma sosial dan kesulitan emosi melemahkan kecenderungan mendapatkan bantuan.


Selain itu, faktor dalaman dan luaran berkaitan kaunseling Islam turut menjadi cabaran. Abas et al. (2024) menunjukkan kurangnya pengetahuan mendalam dan penghayatan agama dalam kalangan kaunselor Islam sebagai penghalang utama. Zakaria dan Awang (2022) pula menyatakan bahawa kekurangan pengiktirafan rasmi terhadap kaunseling Islam dan kekeliruan istilah turut menjejaskan penerimaan perkhidmatan ini. Dari aspek kesedaran masyarakat terhadap kesihatan mental, Ramli, Salleh dan Muhammad (2023) menegaskan bahawa

kurangnya literasi kesihatan mental dalam masyarakat Islam menyebabkan individu enggan mendapatkan rawatan yang sesuai.

Pengaruh sosial, khususnya rakan sebaya, turut memainkan peranan. Dzalihi'zzabir (2017) mendapati bahawa sikap dan tingkah laku keagamaan remaja banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya. Faktor keluarga juga menyumbang kepada isu ini, di mana kurangnya pemantauan dan komunikasi berkesan dalam keluarga meningkatkan kecenderungan terhadap tingkah laku devian (Aziz et al., 2022).

Berdasarkan dapatan kajian lepas ini, adalah penting untuk memahami faktor individu, sosial, keluarga, dan institusi yang mendorong penolakan khidmat kaunseling Islam dalam kalangan remaja, bagi merangka strategi intervensi yang lebih berkesan.

Rajah 1: Scenario Kesihatan Mental Belia Malaysia



Objektif Kajian

1. Mengenal pasti faktor individu yang mempengaruhi penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja di Selangor.
2. Menganalisis peranan faktor keluarga dan sosial dalam mempengaruhi sikap remaja terhadap penerimaan atau penolakan khidmat kaunseling Islam di Selangor.
3. Menilai faktor berkaitan institusi dan perkhidmatan kaunseling yang menyumbang kepada penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja di Selangor.

Soalan Kajian

1. Apakah faktor-faktor individu yang menyebabkan remaja di Selangor menolak khidmat kaunseling berteraskan Islam?
2. Bagaimanakah faktor keluarga dan sosial mempengaruhi keputusan remaja di Selangor untuk menolak khidmat kaunseling berteraskan Islam?
3. Apakah cabaran berkaitan institusi dan perkhidmatan kaunseling yang menyumbang kepada penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja di Selangor?

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dalam pelbagai aspek, terutamanya dalam menangani isu penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja di Selangor. Kepentingan kajian ini dapat dilihat dari sudut berikut:

Menangani Persepsi Negatif dan Meningkatkan Kesedaran Remaja

Kajian ini memberikan pencerahan kepada pihak berkepentingan berkenaan persepsi negatif remaja terhadap perkhidmatan kaunseling berteraskan Islam. Berdasarkan kajian lepas, stigma sosial dan rasa malu merupakan penghalang utama remaja mendapatkan bantuan kaunseling (Kusumawati et al., 2025). Remaja juga bimbang dilabel bermasalah, lebih-lebih lagi apabila kaunseling Islam sering dianggap formal atau hanya untuk kes berat seperti jenayah dan keruntuhan akhlak (Zakaria & Awang, 2022).

Dapatan ini membantu pihak sekolah, kaunselor, dan agensi agama, khususnya di Selangor, memahami keperluan memodenkan pendekatan penyampaian kaunseling Islam supaya lebih mesra remaja. Program pendidikan kesihatan mental dan bengkel interaktif di sekolah boleh meningkatkan literasi mental dan membetulkan persepsi bahawa kaunseling adalah langkah positif.

Pendekatan ini selari dengan pandangan Harisa (2019) yang menegaskan pendidikan kesedaran berterusan membentuk sikap positif remaja terhadap kaunseling, mendorong mereka mendapatkan bantuan lebih awal. Kajian ini juga menjadi asas merangka kempen promosi khidmat kaunseling Islam yang bersifat inklusif, menekankan aspek pencegahan dan kesejahteraan mental secara holistik.

Memperkuh Sokongan Keluarga dan Pengaruh Sosial Positif

Peranan keluarga dan rakan sebaya sangat penting dalam membentuk sikap remaja terhadap penerimaan khidmat kaunseling berteraskan Islam. Keluarga sebagai institusi sosial pertama memberi kesan besar kepada nilai dan tingkah laku individu. Kajian oleh Aziz et al. (2022) menunjukkan bahawa kurangnya pemantauan dan komunikasi ibu bapa menyumbang kepada peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja, manakala pengabaian pendidikan agama menyebabkan penolakan terhadap kaunseling Islam.

Pengaruh rakan sebaya turut signifikan, di mana pandangan negatif terhadap kaunseling boleh menghalang remaja mendapatkan bantuan. Sebaliknya, sokongan rakan sebaya yang positif boleh menggalakkan penerimaan kaunseling Islam (Dzalihu'zzabir, 2017). Memahami dinamika ini membolehkan pihak berkepentingan merancang intervensi seperti program pementoran berasaskan nilai Islam.

Dengan mengenal pasti pengaruh keluarga dan rakan sebaya, kaunselor, pendidik, dan pembuat dasar dapat merangka program pendidikan untuk ibu bapa dan inisiatif promosi rakan sebaya yang positif. Pendekatan ini dijangka mampu mengurangkan penolakan khidmat kaunseling Islam serta memperkuat kesejahteraan mental remaja di Selangor.

Memantapkan Kualiti Perkhidmatan Kaunseling Islam

Kajian ini berperanan penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunseling berteraskan Islam dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kompetensi kaunselor, pengiktirafan institusi, pembangunan garis panduan, dan strategi promosi yang lebih efektif. Langkah-langkah ini diharapkan dapat meningkatkan penerimaan dan keberkesanan perkhidmatan kaunseling Islam dalam kalangan remaja di Selangor.

Dapatan kajian ini akan dapat mengenal pasti kekurangan dalam pengetahuan dan kemahiran kaunselor mengenai kaunseling Islam. Abas et al. (2024) menekankan bahawa kekurangan pengetahuan mendalam dan penghayatan agama dalam kalangan kaunselor merupakan cabaran

dalam yang ketara, memerlukan program latihan dan pembangunan profesional untuk memperkukuh kompetensi kaunselor. Kajian ini turut mendedahkan keperluan pengiktirafan rasmi dan sokongan institusi terhadap kaunseling Islam. Zakaria dan Awang (2022) menyatakan bahawa ketiadaan pengiktirafan rasmi serta kekeliruan istilah "Kaunseling Islam" menjadi cabaran utama. Penemuan ini mencadangkan keperluan dasar yang lebih jelas dan sumber yang mencukupi untuk menyokong amalan kaunseling Islam.

Kajian ini juga dapat menonjolkan ketiadaan format, manual, dan garis panduan komprehensif sebagai kelemahan, menuntut pembangunan bahan rujukan standard untuk memastikan pendekatan konsisten. Selain itu, kurangnya promosi dan kesedaran tentang perkhidmatan ini turut dikenal pasti sebagai halangan. Oleh itu, strategi komunikasi yang lebih berkesan diperlukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap manfaat khidmat kaunseling Islam.

Menyelesaikan Masalah Penolakan Khidmat Kaunseling

Penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan mental dan perkembangan psikososial mereka. Remaja yang berada dalam fasa peralihan emosi, fizikal, dan mental lebih terdedah kepada tekanan, kebimbangan, dan konflik dalaman (Santrock, 2021). Ketidadaan intervensi berstruktur meningkatkan risiko mekanisme daya tindak yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah, tingkah laku agresif, kemurungan, dan pengasingan sosial (Ibrahim et al., 2019).

Masalah ini bertambah serius apabila pendekatan kaunseling tidak selari dengan nilai agama dan budaya remaja Muslim. Pendekatan kaunseling Islam yang holistik, merangkumi aspek spiritual, psikologi, dan sosial, terbukti lebih berkesan dalam membantu remaja Muslim mengurus tekanan (Subhas et al., 2021). Namun, kurang kesedaran dan sikap ragu-ragu terhadap keberkesanan pendekatan ini masih menjadi halangan (Salleh et al., 2022).

Maklumat daripada kajian ini dapat membantu pihak sekolah, kaunselor, jabatan agama, dan pihak berkuasa kesihatan mental merangka intervensi seperti pemantapan modul kaunseling Islam, peningkatan promosi kesedaran, serta kerjasama institusi pendidikan dan agama (Zakaria & Awang, 2022). Usaha ini seiring dengan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Kebangsaan 2020 - 2025 yang menekankan sokongan psikologi yang inklusif dan peka budaya (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Maka, penyelesaian ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan mental remaja, malah membentuk generasi yang lebih stabil, berdaya tahan, dan selaras dengan nilai Islam.

Skop Kajian

Skop kajian ini dirancang secara terperinci bagi memastikan kajian yang dijalankan mampu memberikan impak yang bermakna kepada dunia akademik, khususnya dalam bidang bimbingan dan kaunseling berteraskan Islam, kesejahteraan psikososial remaja, serta pengukuhan perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Skop ini meliputi aspek-aspek berikut:

Kumpulan Sasaran: Remaja di Selangor

Kajian ini memberi tumpuan kepada remaja berumur 13 hingga 19 tahun yang menetap di negeri Selangor. Pemilihan Selangor sebagai lokasi kajian adalah signifikan kerana negeri ini merupakan negeri yang pesat membangun dan memiliki kepelbagaian latar belakang sosial, ekonomi, dan budaya. Remaja di Selangor terdedah kepada pelbagai pengaruh persekitaran urbanisasi, yang secara tidak langsung memberi kesan terhadap corak pemikiran, gaya hidup,

serta penerimaan mereka terhadap perkhidmatan kaunseling Islam. Kajian ini akan memberi perhatian kepada remaja yang menuntut di sekolah menengah harian, sekolah agama, serta institusi pendidikan swasta bagi mendapatkan variasi perspektif yang lebih komprehensif.

Jenis Perkhidmatan Kaunseling

Kajian ini memfokuskan kepada khidmat kaunseling berteraskan Islam yang dijalankan di sekolah, pusat kaunseling awam, institusi agama, dan pusat khidmat komuniti yang menawarkan bimbingan psikologi berasaskan nilai-nilai Islam. Ini termasuk kaunseling individu, kaunseling kelompok, dan kaunseling keluarga yang dijalankan oleh kaunselor bertauliah yang menerapkan pendekatan kaunseling Islam. Kajian ini tidak tertumpu kepada kaunseling konvensional atau perkhidmatan kesihatan mental yang bersifat perubatan psikiatri.

Fokus Isu Penolakan

Skop kajian ini tertumpu kepada penolakan perkhidmatan kaunseling Islam, sama ada dalam bentuk keengganan untuk mendapatkan bantuan walaupun mempunyai masalah, rasa skeptikal terhadap keberkesanan kaunseling Islam, dan persepsi negatif atau stigma yang dikaitkan dengan mendapatkan khidmat kaunseling. Kajian ini tidak menilai keberkesanan kaunseling Islam secara langsung, sebaliknya berfungsi mengenal pasti punca-punca yang menghalang remaja daripada mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Dimensi Faktor yang Dikaji

Kajian ini mengenal pasti faktor penolakan berdasarkan empat dimensi utama:

- Faktor Individu: Kesedaran diri, tahap kefahaman terhadap kaunseling Islam, persepsi negatif, stigma sendiri, serta ketakutan untuk dinilai oleh masyarakat.
- Faktor Keluarga: Sokongan keluarga, pengaruh ibu bapa, serta latar belakang keagamaan keluarga.
- Faktor Sosial: Tekanan rakan sebaya, stigma masyarakat, dan persepsi umum terhadap khidmat kaunseling.
- Faktor Institusi dan Perkhidmatan: Kualiti perkhidmatan, kecekapan kaunselor Islam, kurang promosi, dan akses kepada perkhidmatan.

Dimensi ini dipilih berdasarkan sorotan kajian lepas seperti Abas et al. (2024), Zakaria dan Awang (2022), yang menunjukkan bahawa halangan mendapatkan kaunseling sering berpunca daripada gabungan faktor peribadi, sosial, keluarga, dan sistem perkhidmatan.

Sumbangan kepada Dunia Akademik

Dengan tumpuan yang rapi kepada dimensi individu, keluarga, sosial, dan institusi dalam konteks remaja di Selangor, kajian ini dijangka memberikan impak dalam perkara berikut:

- Memperkayakan bidang bimbingan dan kaunseling Islam dengan menambah data mengenai penerimaan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan remaja.
- Menyumbang kepada literatur kesihatan mental dalam perspektif Islam, khususnya berkaitan stigma dan persepsi terhadap bantuan psikologi dalam kalangan generasi muda Muslim.
- Memberikan asas kepada penggubalan polisi pendidikan dan perkhidmatan kaunseling yang lebih mesra remaja, selaras dengan nilai Islam serta realiti sosial masyarakat Malaysia.
- Menyediakan input kepada latihan profesional kaunselor Islam supaya lebih memahami psikologi remaja moden, seterusnya dapat menyesuaikan pendekatan kaunseling agar lebih inklusif dan diterima oleh golongan muda.

Jadual 1: Skop Kajian

Aspek Skop Kajian	Penjelasan
Kumpulan Sasaran	Remaja berumur 13 hingga 19 tahun yang menetap di negeri Selangor.
Jenis Perkhidmatan Kaunseling	Kaunseling berteraskan Islam yang menekankan nilai-nilai syariah, Al-Quran, Hadis, doa, serta konsep muhasabah dan tawakal.
Kawasan Geografi	Negeri Selangor, yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar.
Fokus Kajian	Penolakan remaja terhadap khidmat kaunseling Islam serta faktor-faktor yang mempengaruhinya seperti faktor individu, keluarga, sosial, dan institusi.
Pendekatan Kajian	Kajian konseptual yang berdasarkan analisis literatur dan kajian lepas berkaitan isu penolakan kaunseling Islam dalam kalangan remaja.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam merujuk kepada sikap enggan, menolak, atau mengelakkan diri daripada mendapatkan bantuan psikologi berlandaskan prinsip Islam, walaupun berdepan dengan masalah emosi, sosial, atau peribadi. Penolakan ini dapat dilihat melalui ketidakhadiran ke sesi kaunseling, keraguan terhadap keberkesanan kaunseling Islam, dan kecenderungan menyelesaikan masalah sendiri tanpa rujukan profesional.

Khidmat kaunseling berteraskan Islam pula merujuk kepada bimbingan yang dilaksanakan oleh kaunselor bertauliah menggunakan pendekatan Islamik, melibatkan unsur kerohanian, ibadah, muhasabah, serta rujukan kepada Al-Quran dan Hadis dalam membantu klien mencari penyelesaian.

Faktor individu merujuk kepada ciri dalaman remaja yang mempengaruhi penolakan kaunseling Islam, termasuk kekurangan kesedaran, persepsi negatif, rasa malu, bimbang terhadap pandangan masyarakat, dan keyakinan diri yang rendah. Faktor keluarga dan sosial ditakrifkan sebagai pengaruh ibu bapa, ahli keluarga, rakan sebaya, serta stigma masyarakat terhadap penerimaan perkhidmatan kaunseling.

Faktor institusi dan perkhidmatan pula merujuk kepada aspek berkaitan penyediaan kaunseling Islam, termasuk akses kepada kaunselor Islam bertauliah, kualiti perkhidmatan, serta tahap promosi dan pemahaman tentang kaunseling Islam dalam kalangan remaja.

Konsep Khidmat Kaunseling Berteraskan Islam***Definisi dan Prinsip Kaunseling Islam***

Kaunseling Islam merupakan proses bantuan profesional berlandaskan ajaran Islam untuk membantu individu memahami masalah, membuat keputusan, dan mencapai kesejahteraan diri dengan berpaksikan tauhid kepada Allah SWT. Menurut Abas et al. (2024), ia merupakan intervensi psikologi berteraskan hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam, bukan sekadar penyelesaian masalah, tetapi juga membimbing individu mendekatkan diri kepada Allah sebagai sumber ketenangan.

Kaunseling Islam menitikberatkan keseimbangan jasmani, emosi, intelek, dan rohani (JERI) dalam menangani masalah (Sidek, 2017). Berbeza dengan kaunseling konvensional, pendekatan ini memberi keutamaan kepada pemulihan akhlak, penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs), konsep redha, sabar, tawakal, dan mengaitkan ujian hidup dengan qada' dan qadar. Sudan (2017) menekankan konsep amr ma'ruf nahi munkar sebagai elemen asas dalam proses kaunseling Islam.

Konsep tauhid menjadi tunjang dalam kaunseling Islam, di mana pengesaan Allah sebagai sumber ketenangan mengajar individu bergantung sepenuhnya kepada-Nya (Abdullah, 2014). Unsur ikhlas dan niat kerana Allah turut menjadi asas dalam pemberian khidmat kaunseling antara kaunselor dan klien (Salleh, 2019). Selain itu, prinsip taubat dan muhasabah diri membantu individu memperbaiki kesalahan lampau dan membentuk keperibadian lebih baik (Shafruddin & Ahmad, 2017). Prinsip sabar dan syukur dijadikan mekanisme daya tindak dalam mengurus tekanan hidup dengan lebih matang.

Kaunseling Islam juga menekankan prinsip masalah, memastikan nasihat diberikan selaras dengan maqasid syariah yang menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (Sidek, 2017). Secara keseluruhan, kaunseling Islam tidak hanya menyelesaikan masalah psikologi, tetapi memperkukuhkan hubungan individu dengan Allah SWT ke arah kehidupan yang harmoni, tenang, dan sejahtera berpandukan syariat.

Perbezaan antara Kaunseling Konvensional dan Kaunseling Islam

Kaunseling konvensional berasaskan teori psikologi Barat yang menekankan aspek saintifik dan klinikal dalam menangani isu psikologi dan tingkah laku individu. Pendekatan ini sering menggunakan teori seperti Terapi Kognitif-Tingkah Laku (CBT) dan Terapi Psikoanalisis, yang menekankan pemikiran rasional, analisis psikodinamik, dan intervensi berstruktur bagi membantu klien mengurus masalah mental dan emosi (Corey, 2021). Dalam kaunseling konvensional, nilai spiritual dan kepercayaan agama sering dianggap sebagai faktor sampingan dan bukan elemen utama dalam intervensi psikologi (Abdullah, 2014). Oleh itu, dalam konteks masyarakat Muslim, kaunseling konvensional mungkin kurang diterima oleh individu yang mencari bimbingan yang selari dengan prinsip Islam (Zakaria & Awang, 2022).

Sebaliknya, kaunseling Islam berteraskan nilai-nilai syariah dan berpandukan Al-Quran dan Sunnah dalam membimbing individu menghadapi masalah kehidupan. Kaunseling ini menekankan konsep tauhid, tawakal, dan tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) sebagai pendekatan utama dalam mengurus cabaran psikologi (Salleh, 2019). Berbeza dengan kaunseling konvensional yang memberi tumpuan kepada faktor kognitif dan tingkah laku semata-mata, kaunseling Islam mengintegrasikan aspek spiritual, sosial, dan psikologi untuk memastikan kesejahteraan holistik individu (Sidek, 2017). Kajian menunjukkan bahawa kaunseling Islam lebih efektif dalam menangani masalah remaja Muslim kerana ia lebih selari dengan pegangan agama mereka, mengurangkan stigma terhadap kaunseling, dan meningkatkan penerimaan perkhidmatan sokongan psikologi dalam komuniti Islam (Abas et al., 2024).

Amalan Kaunseling Islam di Malaysia

Amalan kaunseling Islam di Malaysia telah berkembang sebagai pendekatan alternatif yang menggabungkan prinsip psikologi moden dengan nilai dan ajaran Islam. Kaunseling Islam bertujuan membantu individu mencapai kesejahteraan mental dan spiritual dengan menekankan konsep tawakkal, muhasabah diri, serta hubungan dengan Allah SWT sebagai sumber utama ketenangan jiwa (Salleh, 2019). Pendekatan ini berbeza daripada kaunseling

konvensional kerana ia bukan sahaja menangani isu psikologi tetapi juga membantu klien memahami makna kehidupan melalui perspektif Islam (Sidek, 2017). Namun, cabaran utama dalam pelaksanaan kaunseling Islam termasuk kekurangan kaunselor yang mempunyai pengetahuan mendalam dalam kedua-dua bidang psikologi dan syariah, serta kekurangan modul standard yang menyelaraskan pendekatan ini dalam amalan profesional (Zakaria & Awang, 2022). Tambahan pula, stigma terhadap perkhidmatan kaunseling dalam kalangan masyarakat Islam menyebabkan sesetengah individu enggan mendapatkan bantuan kerana bimbang dianggap kurang beriman atau lemah dari segi rohani (Ramli, Salleh, & Muhammad, 2023).

Selain cabaran tersebut, penerimaan masyarakat terhadap kaunseling Islam turut dipengaruhi oleh faktor budaya dan tahap kesedaran mengenai kesihatan mental. Kajian oleh Abas, Saper, dan Mohd Daud (2024) mendapati bahawa kurangnya pemahaman mengenai kepentingan kaunseling Islam serta kekangan akses kepada perkhidmatan ini di sekolah-sekolah menyebabkan ramai individu tidak mendapatkan bantuan yang diperlukan. Di samping itu, penekanan terhadap aspek ibadah seperti zikir, doa, dan amalan sunnah sebagai mekanisme daya tindak (*coping mechanism*) dalam kaunseling Islam masih belum diterima secara meluas dalam sistem kesihatan mental negara (Subhas, Mukhtar, & Munawar, 2021). Oleh itu, untuk memastikan kaunseling Islam lebih berkesan dan diterima, usaha perlu ditingkatkan dalam menyediakan latihan profesional bagi kaunselor, memperkenalkan modul yang lebih sistematik, serta menjalankan kempen kesedaran yang menekankan manfaat pendekatan Islam dalam menangani tekanan emosi dan psikologi.

Peranan Kaunseling Islam dalam Menangani Isu Remaja

Kaunseling Islam memainkan peranan penting dalam menangani pelbagai isu yang dihadapi oleh remaja, terutama dalam aspek kesihatan mental, akhlak, dan kesejahteraan rohani. Berbeza dengan kaunseling konvensional, pendekatan ini menekankan konsep tauhid, muhasabah, dan pengukuhan nilai Islam dalam membantu remaja mengurus tekanan serta cabaran kehidupan. Menurut Abas et al. (2024), kaunseling Islam dapat membantu remaja mengatasi masalah psikososial dengan mengaitkan setiap cabaran dengan hikmah ketentuan Allah, sekaligus membentuk mekanisme daya tindak yang lebih berlandaskan nilai spiritual. Kajian oleh Salleh et al. (2022) juga menunjukkan bahawa pendekatan psiko-spiritual dalam kaunseling Islam dapat mengurangkan tekanan mental serta meningkatkan keupayaan remaja dalam mengurus emosi dan konflik dalaman mereka. Pendekatan ini amat relevan dalam konteks Malaysia, di mana nilai keagamaan masih menjadi tunjang kepada pembentukan peribadi remaja.

Namun, keberkesanan kaunseling Islam dalam menangani isu remaja turut bergantung kepada tahap penerimaan dan kesedaran masyarakat terhadap kepentingannya. Kajian oleh Zakaria dan Awang (2022) mendapati bahawa stigma sosial terhadap perkhidmatan kaunseling, terutama yang berasaskan Islam, masih wujud dalam kalangan remaja dan ibu bapa. Hal ini menyebabkan ramai remaja enggan mendapatkan bantuan walaupun berdepan dengan masalah psikologi yang serius. Selain itu, kajian oleh Ramli et al. (2023) menunjukkan bahawa kekurangan promosi mengenai kaunseling Islam dan persepsi bahawa kaunseling hanya untuk individu bermasalah turut menyumbang kepada kadar penerimaan yang rendah. Oleh itu, usaha untuk memperkasa kaunseling Islam perlu melibatkan pendidikan kesedaran, peningkatan latihan profesional kaunselor, serta pengukuhan kerjasama antara sekolah, keluarga, dan institusi agama bagi memastikan kaunseling Islam menjadi satu bentuk intervensi yang lebih diterima dan efektif dalam membantu remaja.

Penolakan Khidmat Kaunseling Berteraskan Islam

Khidmat kaunseling berperanan penting dalam membantu individu menangani masalah psikologi, sosial, dan emosi. Namun, terdapat segmen masyarakat, terutamanya remaja, yang menunjukkan kecenderungan menolak perkhidmatan ini. Dalam konteks Malaysia, khidmat kaunseling Islam menawarkan pendekatan berasaskan nilai agama bagi menyokong kesejahteraan mental dan spiritual. Artikel ini membincangkan definisi penolakan khidmat kaunseling, bentuk penolakan remaja, dan persepsi mereka terhadap kaunseling Islam.

Penolakan khidmat kaunseling merujuk kepada keengganan individu mendapatkan bantuan profesional walaupun berdepan masalah yang memerlukan intervensi (Vogel et al., 2006). Faktor seperti ketidakpercayaan terhadap keberkesanan kaunseling, ketakutan terhadap stigma sosial, dan ketidakselesaan berkongsi masalah dengan orang luar menjadi penyumbang utama (Komiya, Good, & Sherrod, 2000). Di Malaysia, cabaran dalam pelaksanaan kaunseling Islam termasuk kekurangan tenaga pakar, kesukaran mengintegrasikan ilmu Islam dan psikologi, kurang kesedaran masyarakat, isu etika, ketidakkonsistenan latihan, kekurangan penyelidikan, dan keperluan adaptasi budaya (Karim, Zulkepli, & Abd Hamid, 2024).

Remaja menunjukkan penolakan dalam bentuk aktif, iaitu secara terbuka mempersoalkan keperluan kaunseling (Rickwood et al., 2005), serta pasif, iaitu mengelak menghadiri sesi walaupun disarankan (Gulliver, Griffiths, & Christensen, 2010). Penolakan berasaskan stigma juga berlaku apabila remaja takut dilabel sebagai bermasalah (Clement et al., 2015). Dalam kalangan remaja Muslim, pendekatan keagamaan seperti solat dan doa sering diutamakan berbanding mendapatkan bantuan kaunselor (Dwairy, 2006).

Persepsi remaja Muslim terhadap kaunseling Islam lebih positif apabila nilai agama diintegrasikan dalam intervensi. Remaja lebih selesa berkongsi masalah dengan kaunselor Muslim yang memahami latar belakang keagamaan mereka (Karimullah, 2023; Huda & Slamet, 2024). Mereka juga mengharapkan sesi kaunseling Islam menekankan elemen spiritual seperti doa, zikir, dan tafsiran Al-Quran (Syafii, 2024). Namun, kebimbangan terhadap kerahsiaan sesi, terutama melibatkan hubungan kaunselor dengan pihak berkuasa agama atau keluarga, masih menjejaskan kepercayaan (Berry et al., 2020). Pemahaman yang lebih mendalam terhadap persepsi ini penting untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan dan meningkatkan penerimaan kaunseling Islam dalam kalangan remaja Muslim.

Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penolakan Khidmat Kaunseling

Faktor Individu

Penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam sering dikaitkan dengan faktor individu seperti kurang kesedaran, stigma, keyakinan diri yang rendah, dan perasaan malu atau takut dihakimi. Kesedaran terhadap kepentingan kaunseling dalam kalangan komuniti Muslim masih rendah, menyebabkan individu mengabaikan keperluan mendapatkan bantuan profesional (Iman et al., 2024). Kekurangan pendedahan kepada pendekatan kaunseling Islam yang menekankan kesejahteraan mental dan spiritual turut menyumbang kepada keengganan menerima khidmat ini (Khofifah, 2024).

Stigma sosial terhadap kaunseling kekal menjadi penghalang utama, dengan kepercayaan bahawa mendapatkan bantuan mencerminkan masalah mental yang serius (Anjum et al., 2024). Dalam komuniti Muslim, penyelesaian spiritual sering diutamakan berbanding pendekatan psikologi moden (Karim et al., 2024). Individu yang mempunyai keyakinan diri rendah sering

ragu-ragu untuk mendapatkan bantuan, dengan kebimbangan bahawa kaunseling tidak akan membantu atau memperlihatkan kelemahan diri (Rafal et al., 2018).

Perasaan malu atau takut dihakimi, terutamanya dalam kalangan remaja, turut menjadi penghalang utama. Mereka bimbang dianggap lemah atau tidak beriman jika mendapatkan kaunseling (McLaughlin et al., 2022), di samping kekhuatiran bahawa kaunselor mungkin menilai mereka dari perspektif agama yang ketat (Dwairy, 2006).

Faktor Keluarga

Faktor keluarga turut memberi pengaruh besar terhadap penerimaan atau penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja, khususnya dalam konteks masyarakat di Malaysia. Umum mengetahui bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk sikap anak-anak terhadap khidmat kaunseling. Ibu bapa yang kurang memahami atau tidak mempunyai kesedaran yang mencukupi mengenai manfaat kaunseling akan menyebabkan anak-anak mereka turut mengabaikan keperluan mendapatkan bantuan profesional (Song, et al., 2019). Tambahan pula, sikap skeptikal atau negatif ibu bapa terhadap kaunseling menyebabkan remaja merasa terhalang untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan (Yeap & Low, 2019).

Nilai agama yang diterapkan oleh keluarga juga mempengaruhi penerimaan terhadap khidmat kaunseling Islam. Didikan agama yang kuat tanpa pendedahan kepada kepentingan kesihatan mental boleh menyebabkan sesetengah keluarga percaya bahawa masalah hidup seharusnya diselesaikan melalui doa atau ibadah sahaja (Hamjah, et al., 2020). Pengkaji melihat bahawa persepsi ini boleh menyebabkan remaja berasa bersalah atau ragu-ragu untuk mendapatkan bantuan profesional yang dilihat sebagai bertentangan dengan ajaran agama.

Ketersediaan sokongan keluarga juga merupakan faktor penting dalam menentukan sama ada individu mendapatkan khidmat kaunseling. Kajian mendapati individu yang mempunyai keluarga yang menyokong secara emosi dan psikologi lebih cenderung mendapatkan bantuan kaunseling ketika berhadapan dengan masalah (Ibrahim, et al., 2019). Sebaliknya, individu daripada keluarga yang kurang memberi sokongan sering merasa terasing dan memilih untuk tidak mendapatkan bantuan kerana kekurangan sistem sokongan yang diperlukan.

Faktor Sosial

Pengaruh rakan sebaya merupakan faktor signifikan dalam menentukan penerimaan remaja terhadap khidmat kaunseling Islam. Kajian menunjukkan bahawa pandangan negatif atau stigma rakan sebaya terhadap kaunseling boleh menyebabkan seseorang remaja itu mengelak daripada mendapatkan bantuan. Remaja sering mengambil kira pendapat rakan sebaya bagi memastikan mereka diterima dalam kumpulan, sekali gus menyebabkan mereka takut ditolak jika mendapatkan bantuan profesional (Villatoro, et al., 2022).

Persepsi umum masyarakat terhadap kaunseling turut memberi kesan kepada keputusan remaja untuk mendapatkan perkhidmatan ini. Di Malaysia, persepsi negatif masyarakat tentang khidmat kaunseling masih ketara, di mana ia dianggap sebagai pilihan terakhir untuk individu yang menghadapi masalah serius sahaja. Pandangan sebegini menimbulkan rasa malu, menyebabkan remaja enggan untuk mendapatkan bantuan profesional meskipun menghadapi tekanan psikologi.

Faktor Institusi

Kualiti perkhidmat kaunseling Islam memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penerimaan di kalangan pengguna. Remaja sering mempertimbangkan kredibiliti, kemahiran komunikasi, dan keupayaan kaunselor dalam memberikan khidmat kaunseling yang efektif. Kajian mendapati bahawa kelemahan dalam aspek ini menyebabkan remaja ragu-ragu terhadap keberkesanan perkhidmatan yang disediakan, seterusnya membawa kepada penolakan khidmat tersebut (Rassool, 2015).

Faktor promosi yang kurang efektif serta akses yang terhad kepada khidmat kaunseling Islam turut menghalang remaja daripada mendapatkan bantuan. Kebanyakan institusi kaunseling tidak melaksanakan promosi yang mencukupi atau bersifat mesra remaja, menyebabkan golongan sasaran kurang mengetahui tentang kewujudan serta manfaat khidmat tersebut. Masalah akses fizikal seperti lokasi yang jauh atau tidak strategik turut menjadi penghalang utama kepada penggunaan khidmat kaunseling (Karim, et al., 2024).

Salah satu isu utama yang mempengaruhi penolakan khidmat kaunseling Islam adalah kekurangan kaunselor yang mempunyai kepakaran dan latihan khusus dalam pendekatan Islamik. Kekurangan tenaga profesional yang berkelayakan dan mahir dalam aspek psikologi dan agama menyebabkan kepercayaan terhadap perkhidmatan ini menurun, sekali gus menjadikan khidmat kaunseling Islam kurang menarik bagi remaja yang memerlukan bantuan (Zakaria, et al., 2022).


Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori bagi kajian ini berfungsi sebagai asas konseptual untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penolakan khidmat kaunseling berteraskan Islam dalam kalangan remaja di Malaysia. Ia membolehkan penyelidik mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah serta membina pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu yang dikaji (Creswell, 2018).


Dalam kajian ini, kerangka teori dibina berasaskan Teori Perilaku Terancang (Theory of Planned Behavior, TPB) oleh Ajzen (1991) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1, dan Model Kesedaran Kesihatan (Health Belief Model, HBM) oleh Rosenstock (1974), seperti yang digambarkan pada Rajah 2. TPB menjelaskan bagaimana niat seseorang dalam mencari bantuan kaunseling dipengaruhi oleh sikap, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. HBM pula digunakan untuk memahami bagaimana faktor persepsi risiko, manfaat, dan halangan mempengaruhi keputusan individu untuk mendapatkan khidmat kaunseling Islam.

Kerangka teori ini mengintegrasikan tiga faktor utama yang mempengaruhi penolakan khidmat kaunseling Islam, iaitu faktor individu, faktor keluarga, dan faktor institusi. Faktor individu melibatkan kepercayaan diri, stigma, dan kesedaran terhadap kaunseling. Faktor keluarga merangkumi pengaruh ibu bapa, nilai agama, dan sokongan keluarga. Faktor institusi pula melibatkan kualiti perkhidmatan, aksesibiliti, dan kepakaran kaunselor Islam (Ajzen, 2005; Glanz, Rimer, & Viswanath, 2015).

Berdasarkan gabungan teori ini, kerangka teori kajian ini mencadangkan bahawa tahap kesediaan individu untuk mendapatkan khidmat kaunseling Islam dipengaruhi oleh faktor-faktor tersebut, yang seterusnya membentuk niat dan tingkah laku mereka dalam mencari bantuan kaunseling.

**Rajah 2: Teori Perilaku Terancang.**

Sumber: The Theory of Planned Behavior, 1991)

**Rajah 3: Model Kesedaran Kesihatan.**

Sumber: Health Belief Model, 2000.

Jadual 2 dibawah memberikan rumusan terhadap kajian-kajian lepas bagi memperlihatkan fokus kajian dan beberapa penemuan utama.

Jadual 2: Rumusan Kajian Lepas

Pengkaji dan Tahun	Fokus Kajian	Penemuan Utama
Abas et al. (2024)	Cabaran kaunselor Islam: kurang pengetahuan mendalam dan penghayatan agama	Kurangnya penerimaan pelajar terhadap kaunseling Islam disebabkan kurang penghayatan dan ilmu
Zakaria dan Awang (2022)	Cabaran luaran dan dalaman kaunseling Islam, termasuk stigma sosial dan isu pengiktirafan	Tiada pengiktirafan rasmi, kurang kefahaman konsep kaunseling Islam
Ramli et al. (2023)	Kesedaran terhadap kesihatan mental dalam masyarakat Muslim	Kurangnya kesedaran masyarakat menyebabkan penolakan terhadap rawatan
Mansor dan Mohamad Jodi (2020)	Pengalaman remaja di pusat perlindungan terhadap kaunseling	Pengalaman negatif menyebabkan

		ketidakpercayaan terhadap kaunseling
Salina Nen & Khairul Azmi Ibrahim (2018)	Faktor stigma dan akses dalam penggunaan perkhidmatan kaunseling	Pelajar kurang menggunakan kaunseling akibat stigma dan masalah akses
Ahn et al. (2022)	Stigma sosial dan kesulitan emosi dalam bantuan psikologi	Stigma menyebabkan rasa malu dan takut untuk mendapatkan bantuan
Dzalihu'zzabir (2017)	Pengaruh rakan sebaya dalam amalan dan tingkah laku keagamaan	Rakan sebaya membentuk sikap terhadap agama dan penerimaan kaunseling
Aziz et al. (2022)	Kurangnya pemantauan ibu bapa dan komunikasi dalam keluarga	Kurang komunikasi keluarga menyumbang kepada tingkah laku devian remaja

Cadangan Strategi Meningkatkan Penerimaan Khidmat Kaunseling Islam

Meskipun khidmat kaunseling Islam menawarkan pendekatan holistik dalam menangani isu psikologi dan spiritual, penerimaannya masih berdepan pelbagai cabaran. Bagi meningkatkan kesedaran dan penerimaan, beberapa strategi perlu dilaksanakan, khususnya dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia. Salah satu strategi utama ialah pendekatan pemeraksanaan remaja, iaitu dengan memberikan ruang kepada mereka untuk memahami isu emosi, tekanan, dan kesejahteraan mental dalam suasana yang selamat. Kajian menunjukkan bahawa apabila remaja diberi kefahaman mengenai manfaat kaunseling dan diberi kuasa membuat keputusan sendiri, mereka lebih cenderung untuk mendapatkan bantuan kaunseling apabila diperlukan (Barrow & Thomas, 2022). Oleh itu, program pemeraksanaan yang menekankan pembangunan sendiri, keyakinan diri, dan pengurusan tekanan perlu diperkenalkan untuk mengurangkan stigma terhadap kaunseling Islam.

Selain itu, sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran remaja terhadap perkhidmatan ini. Pelaksanaan program kesedaran yang berterusan seperti ceramah, bengkel interaktif, dan perkongsian pengalaman dapat membantu mengubah persepsi negatif terhadap kaunseling (Ma, et al., 2023). Integrasi pendidikan psikologi dan kesejahteraan mental dalam kurikulum juga berpotensi memperkenalkan konsep kaunseling Islam dengan lebih efektif kepada pelajar.

Satu lagi aspek kritikal ialah memperkukuh profesionalisme kaunselor Islam. Persepsi terhadap kualiti perkhidmatan banyak bergantung kepada tahap kompetensi kaunselor. Oleh itu, kaunselor perlu diberikan latihan berkala dalam pendekatan psikologi moden yang digabungkan dengan elemen keislaman. Peningkatan profesionalisme dan kompetensi ini terbukti mampu meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap khidmat kaunseling Islam (Md Noh, et al., 2019). Inisiatif seperti penyediaan latihan khusus, pembangunan modul komprehensif, dan sistem akreditasi profesional bagi kaunselor Islam harus diperkukuhkan.

Institusi keagamaan turut berperanan penting dalam meningkatkan penerimaan terhadap khidmat kaunseling Islam. Kerjasama antara kaunselor, imam, dan pendakwah membolehkan mesej berkaitan kepentingan kesihatan mental disampaikan dengan lebih mudah diterima oleh masyarakat. Kajian mendapati bahawa kolaborasi ini dapat meningkatkan akses kepada

perkhidmatan psikologi, terutamanya dalam kalangan mereka yang kurang pendedahan terhadap kaunseling (Walters & Neugeboren, 1995). Program seperti ceramah kesihatan mental di masjid, klinik kaunseling Islam bergerak, serta bimbingan rohani dan psikologi perlu diperluaskan.

Secara keseluruhannya, meningkatkan penerimaan khidmat kaunseling Islam memerlukan usaha bersepadu daripada institusi pendidikan, kaunselor profesional, dan institusi keagamaan. Pendekatan yang strategik ini diyakini dapat mengurangkan stigma serta meningkatkan akses kepada perkhidmatan kaunseling Islam dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia.

Metodologi Kajian

Jangka Masa Kajian

Kajian ini akan dijalankan dalam tempoh satu tahun, bermula dari bulan Januari hingga Disember. Fasa awal akan melibatkan penyediaan instrumen kajian dan kelulusan etika, diikuti dengan pengumpulan data pada pertengahan tahun. Analisis data dan penyediaan laporan kajian akan diselesaikan pada suku terakhir tahun tersebut.

Lokasi dan Tempat Kajian

Kajian ini akan difokuskan di negeri Selangor, Malaysia. Pemilihan Selangor adalah berdasarkan faktor demografi yang mewakili pelbagai latar belakang sosioekonomi dan keagamaan, sekaligus memberikan gambaran yang lebih komprehensif terhadap penerimaan khidmat kaunseling Islam dalam kalangan remaja Muslim. Lokasi spesifik akan merangkumi sekolah menengah, institusi pendidikan tinggi, dan pusat komuniti Islam di daerah-daerah terpilih.

Sumber Data

Data kajian akan dikumpulkan melalui tiga sumber utama:

Soal Selidik: Satu set borang soal selidik berstruktur akan dibangunkan untuk menilai faktor-faktor individu, keluarga, dan institusi yang mempengaruhi penerimaan atau penolakan khidmat kaunseling Islam. Soal selidik ini akan diedarkan kepada remaja Muslim berusia antara 15 hingga 24 tahun.

Temu Bual Separuh Berstruktur: Temu bual separuh berstruktur akan dijalankan dengan peserta terpilih untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman dan persepsi mereka terhadap kaunseling Islam.

Data Sekunder: Kajian juga akan menggunakan data sekunder seperti laporan statistik, kajian lepas, serta dokumen berkaitan kesihatan mental dan perkhidmatan kaunseling Islam di Malaysia.

Teknik Analisis

Data kuantitatif yang diperoleh melalui soal selidik akan dianalisis menggunakan Perisian SPSS. Ujian statistik deskriptif dan inferensi seperti regresi logistik, analisis faktor, dan ujian hubungan (seperti Pearson's correlation) akan digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah.

Bagi data kualitatif daripada temu bual, analisis tematik akan digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan faktor penerimaan atau penolakan kaunseling Islam. Proses ini akan melibatkan pengkodan data, pengelompokan tema, dan analisis interpretatif untuk membina naratif yang holistik. Manakala data sekunder akan dianalisis secara analisis kandungan untuk menyokong dan membandingkan dapatan utama kajian ini.

Jadual 3: Carta Garis Masa Kajian



Kesimpulan

Kajian konsep ini mengenal pasti faktor utama yang berpotensi mempengaruhi penolakan khidmat kaunseling Islam dalam kalangan remaja di Malaysia. Antara faktor yang telah dikenal pasti ialah faktor individu seperti stigma, tahap kesedaran, dan keyakinan diri; faktor keluarga seperti pengaruh ibu bapa, nilai agama, dan sokongan keluarga; serta faktor institusi yang melibatkan kualiti perkhidmatan, aksesibiliti, dan kepakaran kaunselor Islam. Berdasarkan kerangka Teori Perilaku Terancang (TPB) dan Model Kesedaran Kesihatan (HBM), didapati bahawa penerimaan terhadap khidmat kaunseling sangat bergantung kepada kepercayaan terhadap keberkesanan perkhidmatan serta norma sosial yang membentuk tingkah laku remaja.

Meskipun dapatan konsep ini telah membentuk pemahaman awal terhadap faktor-faktor tersebut, pencapaian objektif kajian sebenar masih belum direalisasikan sepenuhnya kerana kertas ini bersifat konseptual dan belum melibatkan pengumpulan data lapangan. Oleh itu, cadangan untuk kajian empirikal pada masa hadapan amat diperlukan bagi mengesahkan hubungan antara faktor-faktor yang telah diusulkan.

Implikasi awal kajian menunjukkan keperluan memperkukuh usaha penghapusan stigma melalui kempen kesedaran, meningkatkan latihan profesionalisme kaunselor Islam, dan mengintegrasikan pendidikan kesihatan mental dalam sistem pendidikan. Kajian lanjutan juga dicadangkan menggunakan pendekatan kualitatif seperti temubual mendalam untuk memahami faktor psikologi, sosial, dan budaya, serta reka bentuk kuasi-eksperimen bagi mengukur keberkesanan intervensi terhadap perubahan sikap remaja terhadap khidmat kaunseling Islam.

Perakuan

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Open University Malaysia dan Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan yang menyokong saya dalam menyiapkan penyelidikan ini. Di samping itu, tiada potensi konflik kepentingan dilaporkan oleh penyelidik.

Rujukan

- Abas, M. K. J., Saper, M. N., & Mohd Daud, N. A. (2024). Cabaran Amalan Kaunseling Islam Dalam Kalangan Kaunselor Muslim di Sekolah. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 8(1), 209-218.
- Abdullah, M. H. (2014). *Kaunseling Islam: Konsep dan Aplikasi* (3rd ed.). Penerbit Universiti Malaya.
- Ahn, L. H., Kivlighan Jr, D. M., & Hill, C. E. (2022). Helping skills courses: The effects of student diversity and numeric marginalization on counseling self-efficacy, counseling self-stigma, and mental health. *Journal of counseling psychology*, 69(1), 27.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.
- Ajzen, I. (2005). *Attitudes, personality, and behavior* (2nd ed.). Open University Press.
- Anjum, G. M., Anwar, M. I., Imran, M., & Iqbal, J. (2024). Islamic Guidelines on Mental Health: Addressing Stigma and Promoting Well-Being. *Al-Aijaz Research Journal of Islamic Studies & Humanities*, 8(2), 36-45.
- Aziz, S., Nen, S., Hoesni, S. M., & Manap, J. (2020). Tingkah laku devian dalam kalangan remaja di Semenanjung Malaysia berdasarkan faktor pemantauan ibu bapa, komunikasi ibu bapa dan religiositi. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 93-101.
- Barrow, E., & Thomas, G. (2022). Exploring perceived barriers and facilitators to mental health help-seeking in adolescents: a systematic literature review. *Educational Psychology in Practice*, 38(2), 173-193.
- Berry, C., Michelson, D., Othman, E., Tan, J. C., Gee, B., Hodgekins, J., ... & Fowler, D. (2020). Views of young people in Malaysia on mental health, help-seeking and unusual psychological experiences. *Early intervention in psychiatry*, 14(1), 115-123.
- Clement, S., Schauman, O., Graham, T., Maggioni, F., Evans-Lacko, S., Bezborodovs, N., ... & Thornicroft, G. (2015). What is the impact of mental health-related stigma on help-seeking? *A systematic review of quantitative and qualitative studies. Psychological Medicine*, 45(1), 11-27.
- Corey, G. (2021). *Theory and practice of counseling and psychotherapy* (10th ed.). Cengage Learning.
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Dwairy, M. (2006). *Counseling and psychotherapy with Arabs & Muslims: A culturally sensitive approach*. Teachers College Press.
- Dzalihi'zzabir. (2017). Pengaruh Rakan Sebaya dalam Membuat Keputusan Amalan dan Tingkah Laku Keagamaan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(2), 45-56.
- Glanz, K., Rimer, B. K., & Viswanath, K. (2015). *Health behavior: Theory, research, and practice* (5th ed.). Jossey-Bass.
- Harisa, A. (2019). The Influence of Counseling Guidance and Spiritual Intelligence in Developing Students' Islamic Personality. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(1), 75-86.
- Huda, M., & Slamet, S. (2024). Mental health concept in Islamic education. *International Journal of Educatio Elementaria and Psychologia*, 1(3), 172-182.
- Iman, M., Wirtati, I., Sari, H., Siregar, A. H., & Mujahid, T. (2024, September). Counseling-based Education and Psychological Support for Muslim Adolescents Online Islami. In *1st International Conference Da'wah and Communication Disruptios Era 5.0 (ICDCDE 2024)* (pp. 120-130). Atlantis Press.
- Gulliver, A., Griffiths, K. M., & Christensen, H. (2010). Perceived barriers and facilitators to mental health help-seeking in young people: A systematic review. *BMC Psychiatry*, 10, 113.

- Hamjah, S. H., Zur Raffar, I. N. A., Rahman, Z. A., & Rasit, R. M. (2020). Applying spiritual aspect of parenting skills to adolescents in the family. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 22(2), 313-346.
- Ibrahim, N., Che Din, N., Ahmad, M., Amit, N., Ghazali, S. E., Wahab, S., ... & A. Halim, M. R. T. (2019). The role of social support and spiritual wellbeing in predicting suicidal ideation among marginalized adolescents in Malaysia. *BMC public health*, 19, 1-8.
- Ibrahim, N., Amit, N., & Suen, M. W. Y. (2019). Psychological factors as predictors of suicidal ideation among adolescents in Malaysia. *PLOS ONE*, 14(4), e0213430.
- Institute for Public Health. (2020). *National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019: Non-communicable diseases, healthcare demand, and health literacy—Key findings*. Ministry of Health Malaysia.
- Karim, H. H., Zulkepli, M. I. S., & Abd Hamid, N. B. (2024). The Challenges in The Implementation of Islamic Counseling In Malaysia: A Conceptual Paper. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (54), 356-367, DOI: 10.35631/IJEPC.953026
- Karimullah, S. S. (2023). Holistic approach in islamic education to improve mental health. *EDUCARE: Jurnal Pendidikan Dan Kesehatan*, 1(1), 1-10.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Pelan tindakan kesihatan mental kebangsaan 2020-2025*. Bahagian Kawalan Penyakit, KKM.
- Khofifah, R. (2024). Integration-Interconnection of Qur'an Function with Islamic Counseling Guidance. *Journal of Islamic Communication and Counseling*, 3(2), 102-111.
- Komiya, N., Good, G. E., & Sherrod, N. B. (2000). Emotional openness as a predictor of college students' attitudes toward seeking psychological help. *Journal of Counseling Psychology*, 47(1), 138.
- Kusumawati, P. D., Arlia, A., Abdal, F., Agustini, A., & Kurniawan, W. (2025). Analisis Dampak Stigma Terhadap Penyakit Mental Dan Upaya Pengurangannya Di Masyarakat. *Prepotif: Jurnal Kesehatan Masyarakat*, 9(1), 278-286.
- Ma, K. K. Y., Anderson, J. K., & Burn, A. M. (2023). School-based interventions to improve mental health literacy and reduce mental health stigma—a systematic review. *Child and adolescent mental health*, 28(2), 230-240.
- Mansor, N. H., & Mohamad Jodi, K. H. (2020). Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih Di Pusat Perlindungan Terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 219-234.
- McLaughlin, M. M., Ahmad, S. S., & Weisman de Mamani, A. (2022). A mixed-methods approach to psychological help-seeking in Muslims: Islamophobia, self-stigma, and therapeutic preferences. *Journal of consulting and clinical psychology*, 90(7), 568.
- Md. Noh, S., Shafii, Z., Marzuki, A., & Abdul Aziz, A. S. (2019, December). Professionalisation of Islamic legacy planning industry in Malaysia: Validation on competency-based certification for Islamic legacy planners. In *paper presented at the International Conference on Zakat, Tax, Waqf and Economic Development (ZAWED)*, 1–2 December.
- Nen, S., & Ibrahim, K. A. (2018). Persepsi pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia. *e-BANGI*, 13(4), 93–103.
- Rafal, G., Gatto, A., & DeBate, R. (2018). Mental health literacy, stigma, and help-seeking behaviors among male college students. *Journal of American college health*, 66(4), 284-291.
- Ramli, M., Salleh, M. R., & Muhammad, M. (2023). Stigma dalam Masyarakat Islam Sebagai Cabaran Terhadap Isu Kesihatan Mental. *Jurnal Psikologi Islam Malaysia*, 5(1), 75-82.
- Rassool, G. H. (2015). *Islamic counselling: An introduction to theory and practice*. Routledge.

- Rickwood, D., Deane, F. P., Wilson, C. J., & Ciarrochi, J. (2005). Young people's help-seeking for mental health problems. *Australian e-journal for the Advancement of Mental health*, 4(3), 218-251.
- Rosenstock, I. M. (1974). Historical origins of the health belief model. *Health Education Monographs*, 2(4), 328-335.
- Salleh, M. (2019). *Kaunseling Islam: Teori, Prinsip dan Amalan*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Salleh, S., Wazir, R., Abd Rahman, K. A., Sudi, S., Awang, A. H., & Kamarulzaman, A. I. (2022). Mengatasi Masalah Kesihatan Mental Melalui Pendekatan Psiko Spiritual. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(47), 601-615.
- Santrock, J. W. (2021). *Adolescence* (17th ed.). McGraw-Hill Education.
- Sidek, M. N. (2017). *Kaunseling Islam: Teori, Proses dan Etika*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Song, X., Klein, J. D., Yan, H., Catallozzi, M., Wang, X., Heitel, J., ... & Santelli, J. S. (2019). Parent and adolescent attitudes towards preventive care and confidentiality. *Journal of Adolescent Health*, 64(2), 235-241.
- Subhas, N., Mukhtar, F., & Munawar, K. (2021). Adapting cognitive-behavioral therapy for a Malaysian muslim. *Medical Journal of the Islamic Republic of Iran*, 35, 28.
- Sudan, S. A. (2017). Principles of Islamic counseling and psychotherapy. *Asian Journal of Management Sciences & Education*, 6(3), 129-138.
- Syafii, M. H. (2024). Integration of Islamic Psychotherapy and Self-Disclosure Methods for Mitigating Adolescent Suicidal Ideation: A Madrasah Study. *Educational Insights*, 2(2), 148-159.
- Villatoro, A. P., DuPont-Reyes, M. J., Phelan, J. C., & Link, B. G. (2022). "Me" versus "them": How mental illness stigma influences adolescent help-seeking behaviors for oneself and recommendations for peers. *Stigma and health*, 7(3), 300.
- Vogel, D. L., Wade, N. G., & Haake, S. (2006). Measuring the self-stigma associated with seeking psychological help. *Journal of counseling psychology*, 53(3), 325.
- Walters, J., & Neugeboren, B. (1995). Collaboration between mental health organizations and religious institutions. *Psychiatric Rehabilitation Journal*, 19(2), 51.
- Yeap, R., & Low, W. Y. (2009). Mental health knowledge, attitude and help-seeking tendency: a Malaysian context. *Singapore Med J*, 50(12), 1169-1176.
- Zakaria, N., & Awang, A. (2022). Kaunseling Perspektif Islam: Cabaran Kaunselor dan Perspektif Klien Masa Kini. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 1(1), 18-24.
- Zakaria, N. S., Subarimaniam, N., Wan Jaafar, W. M., Mohd Ayub, A. F., & Saripan, M. I. (2022). Conceptualization and initial measurement of counseling ethics competency: the influence of spirituality and self-efficacy. *European Journal of Training and Development*, 46(3/4), 285-301.